

15/04/2001

UIAM taman ilmu dan budi

Azran Jaffar

SELEPAS 13 tahun mendiami kampus sementara di Petaling Jaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kini boleh berbangga dengan kewujudan kampus tetapnya di Gombak, berhampiran Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak yang menghubungkan ibu negara dengan negeri di pantai timur.

Keanggunan kompleks bangunan bermotifkan mesra pengguna dan alam dapat dilihat dari jauh, membayangkan betapa pelajar dan pensyarah serta pentadbir universiti, sama-sama berganding bahu untuk memastikan UIAM terus terserlah di mata dunia.

Derentak pokok anggerik pelbagai warna yang menghiasi halaman hadapan blok pentadbirannya serta aliran sungai yang mengalir deras juga menghasilkan suasana segar sesuai dengan konsep Taman Ilmu dan Budi.

Selasa ini, satu lagi sejarah tercatat di UIAM. Kampus canggih itu akan menunggu kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengasas UIAM untuk merasmikannya.

Bermula dengan seramai 153 pelajar ketika memulakan sesi pengajiannya pada 1983 dengan dua kulliyah pengajian iaitu undang-undang dan ekonomi serta sebuah pusat bahasa, kini UIAM menampung seramai 15,949 pelajar termasuk 15 peratus atau kira-kira 1,500 pelajar dari 96 negara.

UIAM juga sudah menambah bilangan kulliyah pengajiannya menjadi sembilan iaitu dalam bidang pengetahuan agama Islam dan sains kemanusiaan, perubatan, kejuruteraan, seni bina dan reka bentuk persekitaran, pendidikan, sains dan farmasi.

Kampus sementara di Petaling Jaya pula dijadikan Pusat Matrikulasi yang kini menampung 5,295 pelajar. UIAM juga mempunyai sebuah kampus cawangan di Bandar Indera Mahkota, Pahang yang menempatkan pelajar bidang perubatan.

Lembaga Pentadbiran UIAM diketuai Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Sultan Abu Bakar yang bertindak sebagai Ketua Perlembagaan.

Terletak di dalam kawasan seluas 272 hektar, kampus induk di Gombak ini mengetengahkan persekitaran yang ceria dan menawan. Dengan meletakkan masjid bersekali dengan blok pentadbiran sebagai pusat tumpuan, kawasan itu turut dihubungkan dengan semua blok kulliyah pengajian.

Reka bentuknya dilihat selaras dengan sebahagian falsafah universiti yang mengembalikan konsep pendidikan Islam iaitu mencari ilmu adalah ibadah.

Ia mengadun ciri-ciri tempatan dan unsur sejagat bagi disesuaikan dengan iklim tropika yang menerima banyak hujan dan mata hari.

Berdasarkan ciri-ciri ini, semua bangunan di persekitaran kampus dihubungkan antara satu sama lain dengan laluan beratap. Ini membuatkan pelajar boleh berjalan antara satu blok bangunan dengan blok bangunan lain tanpa perlu kluatir hujan dan panas terik.

Pembangunan fizikal UIAM dirancang untuk membentuk masyarakat intelektual yang diperteguhkan melalui pengetahuan, nilai-nilai Islam dan budi dan atas dasar itu pembinaan kampus ini dilaksanakan dengan keinginan membangunkan semangat Islam dan perpaduan di kalangan warga UIAM dan masyarakat sekelilingnya.

Satu yang menarik mengenai kampus UIAM ini ialah ia berada dalam persekitaran kampung tradisional Melayu serta penempatan masyarakat Orang Asli. Jika ditambah dengan kumpulan pelajar antarabangsanya, persekitarannya membentuk satu suasana yang cukup harmoni.

Persekitaran yang harmoni ini selari dengan wawasan UIAM yang antaranya,

mengembangkan pemahaman antara budaya dan menjalin dialog ketamadunan di Malaysia serta masyarakat antarabangsa.

Selain menjadi sebuah kampus yang mesra pengguna, pembangunan kampus UIAM juga tidak merosakkan alam serta menjejaskan kehidupan jirannya yang mana ia selaras dengan prinsip Islam yang mana hak jiran perlu dipelihara.

Konsep Taman Ilmu dan Budi yang diketengahkan pula menjadikan UIAM sebuah kampus universiti yang bersifat terbuka, lain daripada konsep biasa menara gading yang kegiatannya hanya tertumpu di kalangan warga kampus.

Kos pembinaan kampus UIAM RM680 juta.